Sejak akhir tahun kewangan sebelumnya, tiada Pengarah Syarikat yang menerima atau layak untuk menerima sebarang manfaat (selain manfaat yang terkandung dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau tiba masanya dan akan diterima oleh Pengarah seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau sebuah syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan sebuah firma yang mana beliau menjadi seorang ahli atau dengan sebuah syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar, kecuali bagi para Pengarah tertentu yang boleh dianggap memperolehi manfaat daripada urusniaga tersebut dalam transaksi biasa perniagaan antara Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitannya atau syarikat di mana para Pengarah dianggap mempunyai kepentingan.

Selain terbitan waran, tiada sebarang persetujuan sepanjang atau pada akhir tahun kewangan yang bertujuan membolehkan para Pengarah mendapat manfaat melalui pengambilalihan saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat lain.

Terbitan Saham dan Debentur

Sepanjang tahun kewangan, Syarikat menerbitkan 7,026,000 saham biasa berharga RM1.00 pada nilai nominal untuk tunai yang timbul daripada:

(i) pertukaran 361,000 waran berasaskan satu saham biasa pada harga RM1.36 setiap saham biasa untuk setiap waran yang dipegang; dan

(ii) langganan sebanyak of 6,665,000 saham biasa pada harga RM1.36 sesaham biasa melalui Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS").

Tiada perubahan lain pada modal diterbitkan dan modal berbayar Syarikat sepanjang tahun kewangan ini.

Opsyen Diberi ke atas Saham/Waran Belum Diterbitkan

Tiada opsyen diberikan kepada sesiapa untuk melanggan saham atau waran Syarikat yang belum diterbitkan pada tahun ini selain terbitan saham atau waran menurut Skim Opsyen Saham Kakitangan, Bon Tidak Bercagar Tanpa Jaminan Boleh Tebus 3% 1996/2001 dan Bon Berkadar Tetap 3% dengan terbitan waran 2002/2009.

1. Skim Opsyen Saham Kakitangan

Menurut ESOS yang berkuatkuasa pada 18 Disember 2002, opsyen untuk melanggan sehingga 17,608,000 saham biasa Syarikat ditawarkan kepada Pengarah dan kakitangan Kumpulan yang layak. Pengarah-pengarah Eksekutif telah memilih untuk tidak menyertai ESOS.

Ciri-ciri penting Skim tersebut adalah seperti berikut:

(i) Kakitangan yang layak adalah mereka yang telah disahkan secara bertulis sebagai kakitangan Kumpulan yang tetap sebelum tarikh tawaran.

(ii) Opsyen ini adalah hak peribadi penerima dan tidak boleh dipindah milik.

(iii) Harga opsyen ditentukan oleh purata sebut harga pasaran bagi saham biasa Syarikat seperti yang ditunjukkan dalam Senarai Rasmi Harian yang dikeluarkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur bagi tempoh lima (5) hari dagangan sebelum tarikh tawaran secara bertulis kepada penerima opsyen atau pada nilai nominal saham biasa Syarikat, yang mana lebih tinggi.

(v) Opsyen yang diberi boleh dilaksanakan pada sebarang masa sepanjang tempoh lima tahun dari tarikh tawaran opsyen tersebut.

(v) Opsyen yang diberi boleh dilaksanakan secara maksimum mengikut skala berikut:

Tempoh berkhidmat	Peratus opsyen yang boleh dilaksanakan
3 tahun	50%
4 tahun	75%
5 tahun	100%

Opsyen ditawarkan yang belum dilaksanakan bagi melanggan saham biasa yang diterbitkan berharga RM1.00 sesaham dan harga opsyen adalah seperti berikut:

Tarikh Tawaran	Opsyen ke atas bilangan saham biasa berharga RM1				
	Harga Opsyen (RM)	Baki pada 1.1.2003	Ditawarkan	Luput	Baki pada 31.12.2003
18.12.2003	1.36	17,608,000	6,665,000	701,000	10,242,000

2. Waran

Pada 8 Februari 1996, Syarikat menerbitkan Bon Tidak Bercagar Tanpa Jaminan Boleh Tebus 3% 1996/2001 bernilai nominal RM150,000,000 berserta dengan 44,539,350 (dilaraskan kepada 89,078,700 selepas terbitan bonus) waran boleh asing (kemudian dari ini diistilahkan sebagai "Waran -A") pada kadar 100% nilai nominal bon tersebut kepada Bumiputra Merchant Bankers Berhad sebagai pelanggan utama.

Pada 26 April 1996, pelanggan utama tersebut telah menawarkan 44,539,350 (dilaraskan kepada 89,078,700 selepas terbitan bonus pada tahun 2000) Waran-A untuk dijual pada harga tawaran RM0.426 setiap waran atas dasar tidak boleh batal kepada para pemegang saham Syarikat berasaskan satu (1) waran bagi setiap empat (4) saham biasa sedia ada yang dipegang.

Waran-A ini memberikan hak kepada pemegang berdaftar untuk melanggan satu saham biasa ("Saham Baru") berharga RM1.00 sesaham dalam Syarikat pada harga perlaksanaan sebanyak RM5.90 (dilaraskan kepada RM2.95 selepas terbitan bonus) bagi setiap Saham Baru, tertakluk kepada pelarasan di bawah keadaan tertentu menurut Surat Ikatan Pol bertarikh 5 Februari 1996, pada bila-bila masa sepanjang tempoh tiga (3) tahun dan sembilan (9) bulan bermula dari tarikh ulang tahun pertama penerbitan waran tersebut.

Syarikat telah mendapat kelulusan daripada para pemegang saham dan pemegang Waran-A di mesyuarat agung luar biasa dan mesyuarat pemegang waran yang diadakan pada 22 April 1999 untuk melanjutkan jangka masa dan tempoh perlaksanaan waran Syarikat kepada sepuluh (10) tahun, sehingga dan termasuk 7 Februari 2006.

Pada 27 Disember 2002, Syarikat menerbitkan Bon Kadar Tetap 7 tahun 3% ("Bon") bernilai nominal RM200,000,000 berserta dengan 88,040,592 waran boleh asing (kemudian dari ini diistilahkan sebagai "Waran-B") pada kadar 100% nilai nominal Bon kepada AmMerchant Bank Berhad sebagai pelanggan utama.

Pada 13 Januari 2003, pelanggan utama telah menawarkan 88,040,592 Waran-B pada harga tawaran RM0.4522 setiap waran atas dasar tidak boleh batal kepada pemegang saham Syarikat berasaskan satu (1) waran bagi setiap empat (4) saham biasa sedia ada yang dipegang.

Menurut Surat Ikatan Pol bagi 88,982,134 Waran-A 1996/2006, harga perlaksanaan bagi waran ditawarkan yang belum dilaksanakan telah dilaraskan daripada RM2.95 kepada RM2.86.

Maklumat Berkanun Lain

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang berpatutan untuk memastikan:

(i) bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dilupuskan dan peruntukan secukupnya telah dibuat bagi hutang ragu, dan

(ii) semua aset semasa telah dinyatakan pada harga yang mana lebih rendah antara kos dan nilai yang boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:

(i) yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dilupuskan atau jumlah peruntukan hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi dengan ketara, atau

(ii) yang boleh menyebabkan nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan, atau

(iii) yang telah timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah semasa bagi penilaian aset dan liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai, atau

(iv) yang tidak diambilkira dalam laporan atau penyata kewangan ini, yang boleh menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Maklumat Berkanun Lain

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(i) sebarang cagaran terhadap aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini dan menjamin liabiliti sebarang pihak-pihak lain, atau

(ii) sebarang liabiliti kontingen luar jangka dalam Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini.

Tiada liabiliti kontingen atau liabiliti lain dari mana-mana syarikat dalam Kumpulan telah berkuatkuasa, atau berkemungkinan akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau boleh menjejaskan dengan ketara kemampuan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya.

Pada pendapat para Pengarah, selain seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan berbentuk luar biasa, begitu juga tiada sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa sebegini yang terjadi dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

Para Pengarah Chemical Company of Malaysia Berhad berpendapat bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 11 hingga 58, disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan diluluskan yang digunakan di Malaysia agar dapat memberi gambaran yang benar dan saksama tentang hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2003 serta keputusan dan aliran tunainya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Juruaudit

Juruaudit, Tetuan KPMG, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani menurut satu resolusi Lembaga Pengarah:

Dato' Mohd Ibrahim bin Mohd Zain
Pengerusi

Dato' Lim Say Chong
Pengarah Urusan

Kuala Lumpur,
26 Februari 2004

Akuan Berkanun

SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, **Rama Devi Nair**, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Chemical Company of Malaysia Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengesahkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 118 hingga 154, sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan dan kebenarannya, dan selaras dengan peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama di atas di Kuala Lumpur pada 26 Februari 2004.

Rama Devi Nair

Di hadapan saya:

Barathan a/l Sinniah @ Chinniah
Pesuruhjaya Sumpah
W202

Laporan Juruaudit

KEPADA AHLI-AHLI CHEMICAL COMPANY OF MALAYSIA BERHAD

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 118 hingga 154. Penyediaan penyata kewangan ini adalah di bawah tanggungjawab para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami.

Kami telah menjalankan audit selaras dengan Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan menjalankan audit untuk mendapatkan semua maklumat dan penjelasan yang kami anggap perlu bagi memberi kami maklumat yang memberi jaminan yang berpatutan bahawa penyata kewangan ini bebas daripada salah penyataan yang ketara. Sesebuah audit meliputi pemeriksaan, secara ujian, maklumat yang berkaitan dengan jumlah dan pembentangan dalam penyata kewangan. Sesebuah audit juga meliputi penilaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah serta penilaian kecukupan keseluruhan pembentangan maklumat dalam penyata kewangan ini. Kami percaya bahawa audit kami memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:

(a) penyata kewangan ini telah disediakan dengan sempurna mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan diluluskan yang digunakan di Malaysia agar memberi gambaran yang benar dan saksama tentang:

  (i) hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2003 dan keputusan operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan

  (ii) perkara-perkara yang perlu diuruskan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat menurut Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965; dan

(b) rekod perakaunan dan rekod-rekod lain dan daftar-daftar yang perlu disimpan menurut Akta Syarikat, 1965 oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang mana kami bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

Syarikat-syarikat subsidiari yang mana kami tidak bertindak sebagai juruaudit telah dikenal pasti pada Nota 8 dalam penyata kewangan dan penyata kewangan dan laporan juruaudit mereka telah dipertimbangkan. Kami juga telah mempertimbangkan penyata kewangan CCM Investment Limited dan PT CCM Indonesia.

Kami berpuashati bahawa penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiarinya yang telah disatukan adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat serta penjelasan yang kami perlukan untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiarinya tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian dan tidak mengandungi sebarang ulasan yang dibuat di bawah seksyen kecil (3) Seksyen 174 Akta tersebut.

KPMG
Nombor Firma: AF 0758
Akauntan Berkanun

Hew Lee Lam Sang
Rakan dalam firma
Nombor kelulusan: 1862/10/05(J)

Kuala Lumpur,
26 Februari 2004

Penyata Pendapatan

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

Jumlah dalam RM'000 kecuali dinyatakan sebaliknya

	Nota	Kumpulan 2003	Kumpulan 2002	Syarikat 2003	Syarikat 2002
Perolehan		**576,713**	518,359	**5,976**	5,762
Keuntungan operasi	2	**61,150**	61,303	**20,944**	37,294
Pendapatan faedah	3	**6,008**	5,478	**7,594**	1,539
Perbelanjaan faedah	4	**(10,451)**	(8,596)	**(6,226)**	(4,043)
		56,707	58,185	**22,312**	34,790
Bahagian keuntungan dalam syarikat-syarikat bersekutu		**1,535**	96	**–**	–
Keuntungan sebelum cukai		**58,242**	58,281	**22,312**	34,790
Cukai	5	**(10,332)**	(4,282)	**(5,519)**	(791)
Keuntungan selepas cukai		**47,910**	53,999	**16,793**	33,999
Kepentingan pemegang saham minoriti		**(4,382)**	(4,641)	**–**	–
Keuntungan bersih bagi tahun		**43,528**	49,358	**16,793**	33,999
Pendapatan asas sesaham (sen)	6	**12.4**	14.0		
Pendapatan dicairkan sesaham (sen)	6	**9.8**	12.6		
Dividen kasar sesaham (sen)					
Interim dibayar 5.0 sen sesaham, dikecualikan cukai dan 5.0 sen sesaham, tolak 28% cukai (2002 – 3.0 sen sesaham, tolak 28% cukai)		**10.0**	3.0	**10.0**	3.0
Akhir dicadangkan dan tidak dimasukkan dalam penyata kewangan, 5.0 sen sesaham, tolak 28% cukai (2002 – 5.0 sen sesaham, dikecualikan cukai)		**5.0**	5.0	**5.0**	5.0
Khas dicadangkan dan tidak dimasukkan dalam penyata kewangan, 5.0 sen sesaham, tolak 28% cukai (2002 – tiada)		**5.0**	–	**5.0**	–
		20.0	8.0	**20.0**	8.0

Nota-nota di muka surat 124 hingga 154 merupakan sebahagian penting, dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

Kunci Kira-kira

PADA 31 DISEMBER 2003

Jumlah dalam RM'000 kecuali dinyatakan sebaliknya

	Nota	Kumpulan 2003	Kumpulan 2002	Syarikat 2003	Syarikat 2002
Hartanah, loji dan peralatan	7	**341,267**	417,794	**169,036**	169,710
Syarikat-syarikat subsidiari	8	**–**	–	**162,793**	180,329
Syarikat-syarikat bersekutu	9	**1,731**	1,950	**119**	119
Pelaburan	10	**86,464**	103,271	**41,311**	39,382
Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan	11	**6,793**	6,793	**–**	–
Cukai aset tertunda	23	**2,532**	2,800	**–**	–
Aset Semasa					
Inventori	12	**114,675**	102,144	**–**	–
Pembayaran perdagangan dan lain-lain	13	**157,454**	155,880	**172,847**	245,151
Tunai dan baki bank	14	**230,164**	186,170	**203,667**	162,337
		502,293	444,194	**376,514**	407,488
Liabiliti Semasa					
Pembayaran perdagangan dan lain-lain	15	**91,995**	80,942	**47,774**	22,028
Pinjaman jangka pendek (tidak bercagar)	16	**72,471**	55,101	**–**	–
Pinjaman	20	**16,340**	67,252	**–**	50,000
Pemiutang sewa beli		**–**	201	**–**	–
Cukai		**2,670**	1,921	**–**	–
		183,476	205,417	**47,774**	72,028
Aset Semasa Bersih		**318,817**	238,777	**328,740**	335,460
		757,604	771,385	**701,999**	725,000
Dibiayai oleh:-					
Modal Saham	17	**363,291**	356,265	**363,291**	356,265
Saham perbendaharan	17	**(11,443)**	(8,788)	**(11,443)**	(8,788)
Rizab	18	**126,747**	128,304	**127,600**	155,977
Dana pemegang saham		**478,595**	475,781	**479,448**	503,454
Kepentingan pemegang saham minoriti	19	**45,969**	43,083	**–**	–
Liabiliti jangka panjang dan tertunda					
Pinjaman	20	**–**	17,319	**–**	–
Bon (tidak bercagar)	21	**200,000**	200,000	**200,000**	200,000
Pemiutang sewa beli		**–**	450	**–**	–
Ganjaran persaraan	22	**–**	–	**–**	–
Cukai tertunda	23	**33,040**	34,752	**22,551**	21,546
		233,040	252,521	**222,551**	221,546
		757,604	771,385	**701,999**	725,000

Penyata kewangan telah diluluskan dan dibenarkan untuk pengumuman oleh Lembaga Pengarah pada 26 Februari 2004.
Nota-nota di muka surat 124 hingga 154 merupakan sebahagian penting, dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

Jumlah dalam RM'000 kecuali dinyatakan sebaliknya

	← Tidak boleh diagihkan →						Boleh diagihkan	
Kumpulan	**Modal saham**	**Premium saham**	**Rizab penebusan modal**	**Rizab penilaian semula**	**Rizab modal lain**	**Rizab pertukaran asing**	**Keuntungan tersimpan**	**Jumlah**
Pada 1 Januari 2002	356,265	–	73	66,212	2,982	(291)	55,435	480,676
Kesan daripada mengguna pakai MASB 25	–	–	–	(24,882)	–	–	2,800	(22,082)
Baki dinyatakan semula	356,265	–	73	41,330	2,982	(291)	58,235	458,594
Keuntungan dan kerugian bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan – perbezaan pertukaran matawang	–	–	–	–	–	202	–	202
Keuntungan bersih bagi tahun	–	–	–	–	–	–	48,616	48,616
Kesan daripada mengguna pakai MASB 25	–	–	–	–	–	–	742	742
Baki dinyatakan semula	–	–	–	–	–	–	49,358	49,358
Realisasi rizab penilaian semula	–	–	–	(1,787)	–	–	1,787	–
Dividen akhir bagi tahun 2001 (6.3 sen sesaham, tolak cukai)	–	–	–	–	–	–	(15,977)	(15,977)
Dividen interim bagi tahun 2002 (3.0 sen sesaham, tolak cukai)	–	–	–	–	–	–	(7,608)	(7,608)
Pada 31 Disember 2002	356,265	–	73	39,543	2,982	(89)	85,795	484,569
	Nota 17		Nota 18	Nota 18	Nota 18	Nota 18	Nota 18	
Pada 1 Januari 2003	356,265	–	73	39,543	2,982	(89)	85,795	484,569
Saham diterbitkan								
Opsyen saham dilaksanakan	6,665	2,399	–	–	–	–	–	9,064
Pertukaran waran	361	130	–	–	–	–	–	491
Keuntungan dan kerugian bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan – perbezaan pertukaran matawang	–	–	–	–	–	85	–	85
Keuntungan bersih bagi tahun	–	–	–	–	–	–	43,528	43,528
Dividen akhir bagi tahun 2002 (6.3 sen sesaham, tolak cukai)	–	–	–	–	–	–	(17,521)	(17,521)
Dividen interim bagi tahun 2003 (3.0 sen sesaham, tolak cukai)	–	–	–	–	–	–	(30,178)	(30,178)
Pada 31 Disember 2003	**363,291**	**2,529**	**73**	**39,543**	**2,982**	**(4)**	**81,624**	**490,038**
	Nota 17	Nota 18	Nota 18	Nota 18	Nota 18	Nota 18	Nota 18	

Nota-nota di muka surat 124 hingga 154 merupakan sebahagian penting, dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Ekuiti

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

Jumlah dalam RM'000 kecuali dinyatakan sebaliknya

	← Tidak boleh diagihkan →				Boleh diagihkan	
Syarikat	**Modal saham**	**Premium saham**	**Rizab penebusan modal**	**Rizab penilaian semula**	**Keuntungan tersimpan**	**JUmlah**
Pada 1 Januari 2002	356,265	–	73	56,951	110,179	523,468
Kesan daripada mengguna pakai MASB 25	–	–	–	(21,640)	–	(21,640)
Baki dinyatakan semula	356,265	–	73	35,311	110,179	501,828
Keuntungan bersih bagi tahun	–	–	–	–	33,905	33,905
Kesan daripada mengguna pakai MASB 25	–	–	–	–	94	94
Baki dinyatakan semula	–	–	–	–	33,999	33,999
Realisasi rizab penilaian semula	–	–	–	(1,787)	1,787	–
Dividen akhir bagi tahun 2001 (6.3 sen sesaham, tolak cukai)	–	–	–	–	(15,977)	(15,977)
Dividen interim bagi tahun 2002 (3.0 sen sesaham, tolak cukai)	–	–	–	–	(7,608)	(7,608)
Pada 31 Disember 2002	356,265	–	73	33,524	122,380	512,242
Saham diterbitkan:						
Opsyen saham dilaksanakan	6,665	2,399	–	–	–	9,064
Pertukaran waran	361	130	–	–	–	491
Keuntungan bersih bagi tahun	–	–	–	–	16,793	16,793
Dividen akhir bagi tahun 2002 (5.0 sen sesaham, dikecualikan cukai)	–	–	–	–	(17,521)	(17,521)
Dividen interim bagi tahun 2003 (5 sen sesaham, dikecualikan cukai dan 5 sen sesaham, tolak cukai)	–	–	–	–	(30,178)	(30,178)
Pada 31 Disember 2003	**363,291**	**2,529**	**73**	**33,524**	**91,474**	**490,891**
	Nota 17	Nota 18	Nota 18	Nota 18	Nota 18	

Nota-nota di muka surat 124 hingga 154 merupakan sebahagian penting, dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

Jumlah dalam RM'000 kecuali dinyatakan sebaliknya

	Nota	Kumpulan 2003	Kumpulan 2002	Syarikat 2003	Syarikat 2002
Aliran Tunai daripada aktiviti operasi					
Keuntungan sebelum cukai		**58,242**	58,281	**22,312**	34,790
Pelarasan bagi:					
Kerosakan pelaburan syarikat subsidiari		**–**	–	**3,000**	–
Perlunasan perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan		**772**	1,420	**–**	–
Susutnilai dan perlunasan hartanah, loji dan peralatan		**29,529**	30,688	**862**	914
(Keuntungan)/Kerugian daripada penjualan pelaburan		**(18,988)**	(43,125)	**337**	(27,012)
Keuntungan daripada penjualan syarikat-syarikat subsidairi		**(17,481)**	–	**(3,179)**	–
Muhibah dilupuskan		**–**	45	**–**	–
Kerugian/(Keuntungan) daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan		**870**	(375)	**(80)**	(535)
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira		**176**	16	**–**	–
Caj ganjaran persaraan		**–**	359	**–**	205
Ganjaran persaraan dimasuk kira semula		**(2,000)**	(7,418)	**(2,000)**	(4,162)
Bahagian keuntungan dalam syarikat-syarikat bersekutu		**(1,535)**	(96)	**–**	–
Pelarasan pertukaran matawang		**85**	(202)	**–**	–
Dividen diterima		**(510)**	(200)	**(27,187)**	(4,600)
Pelepasan hutang antara syarikat		**–**	–	**5,995**	–
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja		**49,160**	39,393	**60**	(400)
Perubahan modal kerja:					
Inventori		**(12,531)**	5,897	**–**	–
Penerimaan perdagangan dan lain-lain		**(1,904)**	18,124	**85,661**	(41,855)
Pembayaran perdagangan dan lain-lain		**51,590**	(7,627)	**25,746**	18,778
Tunai dijana daripada/(digunakan untuk) operasi		**86,315**	55,787	**111,467**	(23,477)
Pembayaran untuk ganjaran persaraan		**–**	(1,075)	**–**	–
Cukai dibayar		**(9,691)**	(13,513)	**(1,797)**	(3,937)
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan untuk) aktiviti operasi		**76,624**	41,199	**109,670**	(27,414)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

Jumlah dalam RM'000 kecuali dinyatakan sebaliknya

	Nota	Kumpulan 2003	Kumpulan 2002	Syarikat 2003	Syarikat 2002
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan					
Kutipan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan		**12,088**	3,488	**154**	3,041
Kutipan daripada penjualan pelaburan		**41,210**	62,658	**3,149**	33,879
Kutipan daripada penjualan syarikat-syarikat subsidiari	31	**6,846**	–	**7,300**	–
Pembelian pelaburan		**–**	(5,052)	**–**	–
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		**(11,484)**	(20,015)	**(262)**	(215)
Perbelanjaan pembangunan		**(772)**	(1,415)	**–**	–
Dividend diterima		**53**	146	**12,118**	3,314
Pengambilalihan syarikat subsidiari, selepas tunai yang diambilalih		**–**	5	**–**	–
Tunai bersih dijana daripada aktiviti pelaburan		**47,941**	39,815	**22,459**	40,019
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan					
Dividen dibayar kepada pemegang saham Syarikat		**(47,699)**	(23,585)	**(47,699)**	(23,585)
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti		**(6,491)**	(4,665)	**–**	–
Kutipan daripada perlaksanaan ESOS		**9,064**	–	**9,064**	–
Kutipan daripada perlaksanaan waran		**491**	–	**491**	–
Pembelian semula saham		**(2,655)**	(120)	**(2,655)**	(120)
Kutipan daripada pemiutang sewa beli		**–**	460	**–**	–
Kutipan daripada bon		**–**	160,190	**–**	160,190
Kutipan daripada pinjaman		**18,063**	3,392	**–**	–
Pembayaran semula pinjaman		**(50,000)**	(79,693)	**(50,000)**	–
Pembayaran pemiutang sewa beli		**(651)**	(96)	**–**	–
Tunai bersih dijana (digunakan oleh)/dijana daripada aktiviti pembiayaan		**(79,878)**	55,883	**(90,799)**	136,485
Tambahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai		**44,687**	136,897	**41,330**	149,090
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun		**182,663**	45,766	**162,337**	13,247
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun	(i)	**227,350**	182,663	**203,667**	162,337

(i) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai termasuk dalam penyata aliran tunai terdiri daripada baki kunci kira-kira berikut:

	Kumpulan 2003	Kumpulan 2002	Syarikat 2003	Syarikat 2002
Tunai dan baki bank	**23,648**	24,434	**893**	5,007
Deposit jangka pendek	**206,516**	161,736	**202,774**	157,330
Overdraf bank	**(2,814)**	(3,507)	**–**	–
	227,350	182,663	**203,667**	162,337

Nota-nota di muka surat 124 hingga 154 merupakan sebahagian penting, dan perlu dibaca bersama penyata kewangan ini.

Jumlah dalam RM'000 kecuali dinyatakan sebaliknya

1. Ringkasan Dasar Perakaunan Penting

Dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat dan ianya seragam dengan dasar yang digunakan pada tahun-tahun sebelumnya kecuali penggunaan yang berikut:

(i) MASB 25, Cukai Pendapatan;
(ii) MASB 27, Kos Pinjaman; dan
(iii) MASB 29, Ganjaran Kakitangan.

Tambahan kepada dasar-dasar baru dan pendedahan lanjut seperti yang diperlukan oleh piawaian-piawaian baru, kesan daripada perubahan pada dasar-dasar perakaunan di atas dinyatakan pada Nota 32 dalam penyata kewangan.

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali yang dinyatakan pada nota-nota dalam penyata kewangan dan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 serta piawaian perakaunan diluluskan yang digunakan di Malaysia.

(b) Asas penyatuan

Syarikat subsidiari adalah sebuah syarikat yang dikawal oleh Syarikat. Kawalan wujud apabila Syarikat mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah syarikat bagi mendapatkan manfaat daripada aktivitinya. Penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari disertakan dalam penyata kewangan yang disatukan dari tarikh kawalan bermula sehingga ke tarikh kawalan berakhir secara efektif. Syarikat-syarikat subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan.

Sesebuah syarikat subsidiari dikecualikan daripada penyatuan apabila kawalan hanya untuk sementara jika subsidiari tersebut diperolehi dan dipegang dengan hasrat khusus untuk menjualnya dalam tempoh terdekat dan tidak pernah disatukan atau ia beroperasi di bawah dana pindahan kepada Syarikat. Syarikat-syarikat subsidiari yang dikecualikan atas dasar ini diambilkira sebagai pelaburan.

Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan, keputusan syarikat-syarikat subsidiari yang diambilalih atau dijual pada tahun ini dimasukkan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh penjualan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama aset syarikat subsidiari berkenaan ditentukan dan nilai-nilai tersebut ditunjukkan dalam penyata kewangan Kumpulan. Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari adalah muhibah atau rizab semasa penyatuan. Sehubungan dengan pendapat para Pengarah, kunci kira-kira bagi Kumpulan dan Syarikat hendaklah hanya memaparkan aset nyata dan muhibah semasa penyatuan yang dilupuskan ke penyata pendapatan.

Semua urusniaga dan baki dengan anak-anak syarikat dan keuntungan tidak diperolehi daripada urusniaga dihapuskan, kerugian tidak diperolehi juga dihapuskan melainkan kos tidak boleh dikutip semula.

(c) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh besar, tetapi bukan kawalan, terhadap dasar-dasar kewangan dan operasinya.

Penyata kewangan yang disatukan mengandungi jumlah keuntungan dan kerugian syarikat bersekutu berasaskan perkiraan ekuiti dari tarikh pengaruh besar tersebut bermula dengan efektif sehingga pengaruh besar tersebut berakhir secara efektif.

Keuntungan yang tidak direalisasi yang timbul daripada urusniaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya yang dimasukkan dalam jumlah bawa aset dan liabiliti berkaitan, dihapuskan sebahagiannya hingga setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu tersebut. Kerugian tidak direalisasi daripada urusniaga sedemikian juga dihapuskan sebahagiannya kecuali kos bagi yang tidak boleh dikutip semula.

1. Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(d) Hartanah, loji dan peralatan

Tanah dan bangunan dinyatakan pada kos atau penilaian para Pengarah berdasarkan penilaian pasaran terbuka oleh firma jurunilai profesional tolak susutnilai terkumpul. Tambahan tanah dan bangunan selepas penilaian dan loji dan peralatan lain dinyatakan pada kos dalam penyata kewangan.

Kumpulan menilai semula hartanahnya pada tempoh yang tetap yang tidak kurang daripada lima tahun. Lebihan daripada penilaian semula dikreditkan kepada rizab penilaian semula hartanah. Sebarang kurangan yang timbul diimbangi oleh rizab penilaian semula setakat peningkatan sebelumnya bagi hartanah yang sama. Dalam semua kes, penurunan dalam nilai bawa akan dicaj kepada penyata pendapatan.

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul.

Susutnilai
Tiada susutnilai diperuntukan ke atas tanah pegangan pajakan dengan tempoh pajakan belum luput lebih daripada lima puluh tahun. Kesan tiada perlunasan ini tidak ketara dalam konteks penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

Tanah pegangan pajakan dengan tempoh pajakan belum luput kurang daripada lima puluh tahun dilunaskan dengan ansuran sama banyak sepanjang baki tempoh pajakannya.

Hartanah, loji dan peralatan lain disusutnilai berdasarkan kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset berkenaan sepanjang tempoh jangkaan hayat kegunaannya pada kadar tahunan utama berikut:

Bangunan dan kelengkapan tapak	2% hingga 10%
Loji, jentera dan peralatan	$7^{1}/_{2}$% hingga 25%
Kenderaan bermotor	25%

(e) Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan

Perbelanjaan bagi aktiviti penyelidikan, yang ditanggung dengan prospek untuk memperolehi pengetahuan dan pemahaman teknikal atau saintifik yang baru, diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai perbelanjaan apabila ditanggung.

Perbelanjaan bagi aktiviti pembangunan, yang mana penemuan penyelidikan digunakan bagi rancangan atau reka bentuk untuk pengeluaran barangan dan proses yang baru atau jauh lebih baik, dipermodalkan jika barangan atau proses tersebut sesuai untuk dilaksanakan dan Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk menyempurnakan pembangunannya. Perbelanjaan yang dipermodalkan termasuk kos bahan mentah, buruh langsung dan bahagian perbelanjaan yang sesuai. Perbelanjaan pembangunan lain diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila ditanggung.

Perbelanjaan pembangunan yang dipermodalkan dilunaskan dan diiktiraf sebagai perbelanjaan secara sistematik agar dapat mencerminkan corak di mana manfaat ekonomi berkaitan diiktiraf sepanjang 5 hingga 10 tahun.

(f) Pelaburan

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos. Peruntukan dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa terdapat penurunan nilai yang bukan sementara.

(g) Penerimaan perdagangan dan lain-lain

Penerimaan perdagangan dan lain-lain dinyatakan pada kos tolak peruntukan bagi hutang ragu.

1. Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(h) Ganjaran kakitangan

(i) Pelan sumbangan yang ditentukan

Sumbangan obligasi kepada pelan sumbangan yang ditentukan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila ditanggung.

(ii) Ganjaran ganti rugi ekuiti

Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") membenarkan kakitangan Kumpulan memiliki saham Syarikat. Apabila opsyen dilaksanakan, ekuiti akan bertambah mengikut jumlah kutipan yang diterima.

(i) Ganjaran persaraan

Kumpulan dan Syarikat menyumbang kepada skim ganjaran persaraan yang diluluskan berhubung kewajipan berkontraknya kepada kakitangan pengurusan. Sebarang kurangan/lebihan yang timbul daripada penilaian aktuari akan dicaj/dikreditkan kepada keuntungan sepanjang baki tempoh perkhidmatan kakitangan.

Jumlah yang dicaj terhadap keuntungan dikira mengikut nasihat aktuari dan mewakili caj yang betul bagi merangkumi liabiliti perkhidmatan dan bahagian kurangan/lebihan yang berpatutan.

Skim ganjaran persaraan dibubarkan pada 31 Disember 2002.

(j) Peruntukan

Sesuatu peruntukan diiktiraf apabila terdapat kemungkinan aliran keluar sumber yang melambangkan manfaat ekonomi yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi (undang-undang atau binaan) yang berpunca daripada peristiwa yang lepas dan anggaran yang baik bagi jumlahnya boleh ditaksirkan.

(k) Liabiliti

Pinjaman dan perdagangan serta pembayaran lain-lain dinyatakan pada kos.

(l) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga yang mana lebih rendah antara kos dan nilai jualan bersih. Kos ditentukan berdasarkan purata berwajaran dan terdiri daripada kos bahan mentah, dan di mana sesuai, kos buruh dan bahagian perbelanjaan pengeluaran tetap dan berubah yang sesuai.

(m) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai termasuk tunai di tangan, baki dan deposit dengan bank dan pelaburan jangka pendek dan berkecairan tinggi dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan, yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai dibentangkan selepas overdraf bank dan jaminan deposit, (jika ada).

1. Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(n) Kerosakan

Nilai bawa aset, selain daripada inventori, cukai aset tertunda dan aset kewangan (selain daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu), dikaji semula pada setiap tarikh kunci kira-kira untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda kerosakan. Jika sebarang tanda sedemikian wujud, jumlah yang boleh diperolehi semula bagi aset tersebut dianggarkan. Kerugian dari kerosakan diiktiraf apabila jumlah bawa sesebuah aset atau unit yang menjana tunai di mana ia dimiliki melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula. Kerugian kerosakan diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila aset tersebut dibawa pada jumlah yang dinilai semula. Dalam situasi ini kerugian kerosakan dicaj kepada ekuiti.

Jumlah yang boleh diperolehi semula adalah harga jualan bersih aset dan nilai diguna, yang mana lebih tinggi. Bagi menganggarkan nilai diguna, anggaran aliran tunai akan datang didiskaunkan kepada nilai sekarang menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menunjukkan penilaian wang masa pasaran semasa dan risiko khusus aset tersebut. Bagi aset yang tidak menjana aliran masuk tunai bebas yang banyak, jumlah yang boleh diperolehi semula bagi unit penjana tunai di mana ia dimiliki akan ditentukan.

Kerugian kerosakan dibalikkan semula jika terdapat perubahan pada anggaran yang digunakan untuk menetapkan jumlah yang boleh dibalik semula.

Kerugian kerosakan dibalikkan semula setakat mana jumlah bawa aset tersebut tidak melebihi nilai bawa yang ditentukan, selepas susutnilai atau pelunasan, sekiranya tiada kerugian kerosakan diiktiraf. Pembalikan semula ini diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia membalikkan semula kerugian kerosakan atas aset yang dinilai semula, di mana ia akan dibawa kepada ekuiti.

(o) Pembelian semula saham

Apabila saham-saham dibeli semula, jumlah yang dibayar, termasuk kos langsung, diiktiraf sebagai perubahan dalam ekuiti. Saham-saham yang dibeli semula dikelaskan sebagai saham perbendaharaan dan dinyatakan sebagai penolakkan daripada jumlah ekuiti.

(p) Permodalan kos pinjaman

Kos pinjaman ke atas perbelanjaan yang dikenakan pada hartanah, loji dan peralatan yang memerlukan tempoh yang panjang untuk sedia bagi kegunaan yang dikehendaki dipermodalkan.

Permodalan kos pinjaman akan berakhir apabila aset tersebut sedia digunakan untuk kegunaan yang dirancang.

Kadar permodalan yang digunakan untuk menentukan jumlah kos pinjaman yang layak untuk dipermodalkan adalah purata berwajaran kos pinjaman yang berkaitan dengan pinjaman kumpulan yang belum dijelaskan sepanjang tahun, melainkan pinjaman-pinjaman yang dibuat khusus untuk tujuan pembiayaan kerja dalam perlaksanaan yang spesifik atau hartanah dalam pembangunan, di mana kos pinjaman sebenar yang ditanggung atas pinjaman tersebut tolak sebarang pendapatan pelaburan daripada pelaburan sementara pinjaman tersebut akan dipermodalkan.

Permodalan kos pinjaman digantung sepanjang tempoh lanjut di mana pembangunan aktif telah terganggu.

1. Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(q) Cukai pendapatan

Cukai ke atas keuntungan dan kerugian bagi tahun kewangan termasuk cukai semasa and tertunda. Cukai pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali pada tahap di mana ia berkaitan dengan perkara yang diiktiraf secara langsung kepada ekuiti, yang mana akan diiktiraf pada ekuiti.

Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai perlu bayar yang boleh dijangka atas cukai pendapatan perlu bayar bagi tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang digubal atau akan digubal pada tarikh kunci kira-kira, dan sebarang pelarasan pada cukai perlu bayar berhubung tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda adalah diiktiraf, menggunakan kaedah liabiliti, bagi perbezaan sementara yang timbul antara jumlah yang diagihkan kepada aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dan jumlah bawanya dalam penyata kewangan. Jumlah cukai tertunda adalah berasaskan cara realisasi atau penyelesaian nilai bawa asset dan liabiliti yang dijangkakan, menggunakan kadar cukai yang digubal atau akan digubal pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai aset tertunda adalah diiktiraf sehingga tahap di mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan akan datang yang boleh dikenakan cukai menjadi sedia ada terhadap aset yang boleh digunakan.

(r) Matawang asing

(i) Urusniaga matawang asing

Urusniaga dalam matawang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti kewangan dalam matawang asing pada tarikh kunci kira-kira ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Perbezaan pertukaran matawang asing diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Penyata kewangan dan operasi asing

Operasi asing Kumpulan tidak dianggap sebagai bahagian penting operasi Syarikat. Sehubungan itu, aset dan liabiliti syarikat-syarikat subsidiari asing telah ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh kunci kira-kira. Pendapatan dan perbelanjaan syarikat-syarikat subsidiari asing diambilkira berdasarkan purata kadar pertukaran yang digunakan pada tahun tersebut. Semasa penyatuan, perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyataan semula pelaburan bersih permulaan syarikat subsidiari asing pada kadar akhir tahun dimasukkan ke rizab.

Kadar penutup yang digunakan bagi menukar aset dan liabiliti matawang asing dan penyata kewangan operasi luar negeri adalah seperti berikut:

1USD	RM3.80	(2002 :	1USD	RM3.80)
1SGD	RM2.22	(2002 :	1SGD	RM2.19)
1CAD	RM2.90	(2002 :	1CAD	RM2.41)

(s) Peralatan kewangan derivatif

Kumpulan menggunakan peralatan kewangan derivatif, termasuk kontrak pertukaran asing hadapan, untuk melindung nilai pendedahannya kepada pertukaran asing yang timbul daripada aktiviti operasi.

Peralatan kewangan derivatif yang digunakan untuk tujuan melindung nilai diambilkira sebagaimana aset, liabiliti atau kedudukan bersih yang dilindung nilai diambilkira. Sebarang keuntungan atau kerugian yang terhasil diiktiraf sebagaimana yang terhasil daripada aset, liabiliti atau kedudukan bersih yang berkaitan.

Derivatif yang tidak layak untuk tujuan perakaunan lindung nilai diambilkira sebagai peralatan perdagangan dan ditentukan mengikut harga pasaran pada tarikh kunci kira-kira. Sebarang keuntungan atau kerugian yang terhasil diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

1. Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(t) Pengiktirafan perolehan

(i) Barangan dijual
Perolehan daripada penjualan barangan ditentukan pada nilai saksama pembayaran yang akan diterima dan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila risiko dan ganjaran penting pemilikan telah dipindahkan kepada pembeli.

(ii) Perkhidmatan
Perolehan daripada perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan selesai dilaksanakan.

(iii) Pendapatan sewa/faedah
Pendapatan sewa dan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan secara akruan.

(iv) Pendapatan dividen
Pendapatan dividen diiktiraf apabila wujudnya hak untuk menerima bayaran.

(u) Perbelanjaan

(i) Pembayaran pajakan operasi
Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(ii) Kos pembiayaan
Semua kos faedah dan kos lain yang dikenakan berhubung dengan pinjaman, selain daripada yang dipermodalkan selaras dengan Nota 1(p), diambilkira apabila ditanggung.

2. Keuntungan Operasi

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	**2002**	**2003**	**2002**
Perolehan				
Penjualan barangan	**562,862**	495,005	**–**	–
Perkhidmatan	**11,462**	21,252	**–**	–
Pendapatan sewa	**2,389**	2,102	**5,976**	5,762
	576,713	518,359	**5,976**	5,762
Kos jualan	**(486,872)**	(433,130)	**(1,532)**	(1,207)
Keuntungan kasar	**89,841**	85,229	**4,444**	4,555
Pendapatan operasi lain	**48,451**	53,926	**32,885**	43,909
Kos pengedaran	**(7,063)**	(6,889)	**–**	–
Perbelanjaan pentadbiran	**(46,372)**	(43,772)	**(7,390)**	(4,462)
Perbelanjaan operasi lain	**(23,707)**	(27,191)	**(8,995)**	(6,708)
Keuntungan operasi	**61,150**	61,303	**20,944**	37,294

2. Keuntungan Operasi (Samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	**2002**	**2003**	**2002**
Keuntungan operasi diperolehi setelah mengecaj (mengkredit):				
Pendahulaun ke atas skim ganjaran persaraan dilupuskan	**–**	8,234	**–**	8,234
Peruntukan bagi hutang ragu	**182**	1,144	**–**	–
Perlunasan perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan	**772**	1,420	**–**	–
Bayaran juruaudit	**147**	167	**20**	17
Susutnilai dan pelunasan hartanah, loji dan peralatan	**29,529**	30,688	**862**	914
Bayaran para Pengarah				
– yuran	**285**	271	**233**	231
– emolumen	**4,242**	1,904	**2,264**	499
Muhibah dilupuskan	**–**	45	**–**	–
Inventori dikurangkan nilai	**378**	198	**–**	–
Inventori dilupuskan	**1,738**	473	**–**	–
Sewa premis	**6,001**	3,521	**649**	859
Sewa peralatan	**25**	59	**–**	–
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	**176**	16	**–**	–
Kerugian/(Keuntungan) daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	**870**	(375)	**(80)**	(535)
Pelepasan hutang antara syarikat	**–**	–	**5,995**	–
(Keuntungan)/Kerugian daripada penjualan syarikat-syarikat subsidiari	**(17,481)**	–	**(3,179)**	–
Hutang lapuk dimasukkan semula	**(22)**	(720)	**–**	–
Peruntukan bagi ganjaran persaraan dimasukkan semula	**(2,000)**	(7,418)	**(2,000)**	(4,162)
Kerosakan pelaburan syarikat subsidairi	**–**	–	**3,000**	–
Dividen diterima (kasar) daripada:				
Syarikat subsidiari yang tidak tersenarai	**–**	–	**(27,114)**	(11,588)
Saham-saham disebutharga di Malaysia	**(504)**	(1,367)	**(67)**	(111)
Syarikat bersekutu tidak disebutharga	**(6)**	–	**(6)**	(6)
Keuntungan pertukaran asing – direalisasi	**219**	(761)	**–**	–
(Keuntungan)/Kerugian daripada penjualan pelaburan	**(18,988)**	(43,125)	**337**	(27,012)
Pendapatan royalti	**(277)**	(174)	**(277)**	(174)

Manfaat yang diberi kepada para Pengarah:

Anggaran nilai kewangan bagi manfaat yang diberi kepada para Pengarah ialah RM190,000 (2002 – RM192,000) bagi Kumpulan dan RM50,000 (2002 – RM53,000) bagi Syarikat.

3. Pendapatan Faedah

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	**2002**	**2003**	**2002**
Faedah diterima daripada syarikat subsidiari	**–**	–	**3,636**	522
Faedah diterima daripada syarikat bersekutu	**92**	92	**–**	–
Pelepasan pembayaran faedah yang dihutang kepada pemegang saham minoriti	**–**	4,021	**–**	–
Pendapatan faedah lain	**5,916**	1,365	**3,958**	1,017
	6,008	5,478	**7,594**	1,539

Pada tahun 2002, pemegang saham minoriti dalam sebuah syarikat subsidiari memberi pelepasan faedah sebanyak RM4.021 juta.

4. Perbelanjaan Faedah

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	**2002**	**2003**	**2002**
Perbelanjaan faedah	**10,451**	8,596	**6,191**	2,019
Pelepasan pembayaran faedah yang dihutang oleh syarikat subsidiari	**–**	–	**–**	2,024
Faedah perlu dibayar kepada syarikat subsidiari	**–**	–	**35**	–
	10,451	8,596	**6,226**	4,043

Pada tahun 2002, Syarikat memberi pelepasan atas faedah yang dihutang oleh sebuah syarikat subsidiari.

5. Perbelanjaan Cukai

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	**2002**	**2003**	**2002**
Cukai semasa atas keuntungan bagi tahun semas	**9,637**	4,128	**2,799**	753
Kurangan peruntukan berhubung tahun-tahun sebelumnya	**822**	1,098	**755**	–
Cukai keuntungan hartanah benar	**960**	132	**960**	132
Cukai tertunda (pendapatan)/perbelanjaan				
Pengwujudan dan pembalikan semula perbezaan sementara	**(1,444)**	(1,194)	**1,005**	–
Kurangan peruntukan berhubung tahun-tahun sebelumnya	**–**	118	**–**	(94)
Pembiayaan cukai atas bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	**357**	–	**–**	–
	10,332	4,282	**5,519**	791

5. Perbelanjaan Cukai (Samb.)

